

# Mahasiswa sahut cabaran Gagasan TN50

BERITA HARIAN  
3/5/2018 p. V.53

**Kuala Lumpur:** Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Sekretariat Akademik dan Mobiliti Universiti Putra Malaysia (UPM), menganjurkan *Mobility Talk and Entrepreneurship* di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), di sini, baru-baru ini.

Program itu dianjurkan bertujuan bagi menggalakkan pelajar UPM untuk meneroka dan mempelajari budaya serta menimba pengalaman baharu di peringkat antarabangsa.

Pengarah program, Muhammad Asyraf Suriah, berkata bagi mencapai matlamat Transformasi Nasional 50 (TN50) sikap ingin berubah harus wujud dalam kalangan mahasiswa dengan

bersedia melihat kemajuan yang berlaku di negara luar untuk dibawa masuk ke negara ini.

“Bagi merealisasikan hasrat Malaysia menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi, mahasiswa perlu berpandangan jauh dengan mengambil contoh dari negara luar.

“Justeru, program ini diharap dapat menggalakkan pelajar untuk bergiat aktif dalam bidang keusahawanan yang bukan sahaja untuk menampung perbelanjaan harian, tetapi dapat menimba ilmu perniagaan lebih meluas sebagai kerjaya pada masa depan,” katanya.

## **Gilap bakat**

Program disertai lebih 200 mahasiswa UPM itu bertujuan memberi pendedahan lebih jelas mengenai pembabitian dalam bidang keusahawanan terutama di luar negara.

Sementara itu, Timbalan Dekan Siswazah dan Antarabangsa FBMK, Prof Madya Dr Mohammad Azidan Abdul Jabar, berkata melalui program itu lebih ramai lagi bakat mahasiswa dapat digilap dalam bidang keusahawanan.

Beliau berkata, antara objektif utama UPM adalah untuk melahirkan graduan yang bersifat holistik dan berdaya saing di peringkat global.



**Sebahagian daripada** pelajar UPM yang menyertai program *Mobility Talk and Entrepreneurship*.